

09/01/2003

PM mahu Dr Ling teruskan jawatan menteri: Pak Lah

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri mahu Datuk Seri Dr Ling Liong Sik meneruskan khidmat sebagai Menteri Pengangkutan sehingga satu tempoh yang akan ditentukan kelak, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat keputusan itu selepas mengumumkan hasrat Dr Ling untuk bersara pada mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) kelmarin.

"Seperti mana Perdana Menteri kata semalam (kelmarin), beliau masih berhajat supaya diteruskan lagi perkhidmatan Dr Ling dalam portfolio sekarang.

"Ini bermakna peletakan jawatan beliau (Dr Ling) hanya akan berkuat kuasa selepas perbincangan dengan Perdana Menteri kemudian," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Beliau ditanya mengenai keputusan Perdana Menteri berhubung hasrat Dr Ling untuk meletakkan jawatan.

Kelmarin, selepas mesyuarat Dewan Tertinggi BN, Dr Ling mengumumkan peletakan jawatannya daripada Kabinet, kali kedua dalam tempoh tiga tahun.

Presiden MCA itu berkata, beliau sudah menyerahkan surat peletakan jawatan yang tidak meletakkan tarikh berkuat kuasa itu, kepada Dr Mahathir, selaku Pengerusi BN, pada 15 Ogos lalu.

Dr Ling pertama kali mengumumkan hasratnya untuk berundur daripada Kabinet pada 22 Mei 2000, tetapi beliau dinasihatkan oleh Perdana Menteri untuk menimbang balik keputusannya itu.

Selepas bercuti lama, pada 6 Jun 2000, Presiden MCA itu yang juga Ahli Parlimen Labis itu mengumumkan beliau sedia meneruskan jawatannya sebagai Menteri Pengangkutan yang disandangnya sejak 1986.

Abdullah yang juga Timbalan Presiden Umno berkata, Dr Mahathir mengumumkan hasrat Dr Ling untuk meletakkan jawatan pada mesyuarat Dewan Tertinggi BN itu supaya perbalahan dalam MCA tidak berterusan.

"Perkara ini timbul bukan kerana ada sesiapa tanya pun atau ada yang nak korek (rahsia)... tetapi Perdana Menteri sendiri menyebut perkara ini kerana niat beliau ialah supaya dalam parti MCA tidak ada perbalahan lagi.

"Dulu memang ada perbalahan mengenai kedudukan Dr Ling sendiri, (Timbalan Presiden MCA) Lim Ah Lek dan sebagainya. Bila Perdana Menteri buat pengumuman itu, beliau terus menyatakan adalah baik sekiranya isu nak lawan dalam MCA itu diberhentikan," katanya.

Isnin lalu, Ah Lek mengumumkan beliau tetap dengan keputusan mencabar Dr Ling bagi jawatan Presiden parti pada pemilihan parti itu pada 2005 jika tiada calon lain berbuat demikian.

Ditanya bilakah Dr Ling akan dibenarkan meletakkan jawatan, Abdullah berkata perkara itu akan ditentukan Perdana Menteri sendiri dan tidak seharusnya timbul rasa tidak senang hati di kalangan ahli BN.

"Perdana Menteri sendiri tentu lebih mengetahui daripada sesiapa pun mengenai kedudukan Dr Ling dalam Kabinet dan sebagai Menteri Pengangkutan dan tanggungjawab yang dia laksanakan selama ini. Sama ada beliau puas hati atau tidak, itu terserah kepada Perdana Menteri," katanya.

Mengenai pandangan Umno, Abdullah berkata, Umno menganggap tindakan pemimpin parti mengumumkan hasrat untuk melepaskan jawatan adalah perkara biasa dan tidak menyalahi mana-mana peraturan.

Malah, katanya, Dr Mahathir sendiri pernah menyatakan hasrat untuk melepaskan jawatan sebagai Perdana Menteri tahun lalu.

"Umno tak anggap satu kesalahan bagi seorang pemimpin untuk menzahirkan keinginannya untuk meletakkan jawatan kepada ketua kerajaan. Ia bukan sesuatu yang pelik dan terserah kepada ketua kerajaan untuk terima atau tidak. Itu pun bukan sesuatu perkara yang pelik juga," katanya.

Abdullah juga menafikan tanggapan bahawa tindakan Dr Ling itu akan menjejaskan kerajaan kerana ia bukan satu krisis dalam kerajaan atau tindakan bantahan pemimpin MCA itu.

"Keputusan yang dia buat itu bukan kerana ada krisis dalam parti atau dalam kerajaan, bukan ada hubung kait dengan perkara yang dia tak setuju dengan tugas dan tanggungjawab dia atau apa-apa bersabit dasar kerajaan atau dia membantah misalnya. Tak ada langsung yang berkaitan dengan perkara itu," katanya.